Wadah Pembaharuan
BH ONLINE


Gerunkan hukuman 'gantung sampai mati' hindari masyarakat jenayah bunuh

Ogos 16, 2024 @ 8:16am

Minda Pengarang

Meresahkan dan menekan sanubari. Rentetan kes bunuh berlaku di seluruh negara sejak kebelakangan ini benar-benar menyentap perasaan sebagai manusia yang memiliki rasa peri kemanusiaan. Hanya manusia mati jiwa atau *psycho path* saja tidak terkesan dengan deretan kes bunuh yang berlaku sejak kebelakangan ini.

Bermula Disember lalu, seorang guru, Istiqomah Ahmad Rozi, 33, dibunuh dengan mayatnya ditemui tanpa kepala dan tangan dalam tong sampah di dalam longkang di Pulau Sebang, Melaka.



Polis mengesahkan mayat tidak lengkap ditemui di tepi jalan Kampung Tanjung Rimau, Pulau Sebang Alor Gajah, Melaka, pada 31 Disember tahun lalu, dikenal pasti sebagai Istiqomah Ahmad Rozi.



Lokasi penemuan mayat di rumah sewa terbiar Kampung Batu 7, Tongkang Pechah. - Foto NSTP/Alias Abd Rani

Pada Januari lalu, satu rangka manusia tidak sempurna ditemui di kawasan rumah terbiar di Jalan Besar Tongkang Pecah, Batu Pahat, Johor, merungkai misteri kehilangan Bella atau Mila Sharmila, 32, sejak 14 Disember tahun lalu.

Negara kemudian dikejutkan lagi dengan penemuan mayat bekas penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Nur Farah Kartini di FELDA Gedangsa, Hulu Selangor akibat dibunuh, Julai lalu. Bulan ini, warga emas, Mohamed Nor Mohamed Yassin, 82, bersama isteri, Ara Abdul Hamid, 76, dan cucu, Noradriana Nor Hasyim, 11 pula dibunuh sebelum rumah mereka dibakar.



Allahyarham Nur Farah Kartini Abdullah.



Warga emas, Mohamed Nor Mohamed Yassin, 82, bersama isteri, Ara Abdul Hamid, 76, dan cucu, Noradriana Nor Hasyim, 11 pula dibunuh sebelum rumah mereka dibakar, di Kampung Paya Redan, Pagoh, di Muar

Semalam, polis masih menyiasat punca kematian penyanyi, Muhammad Nidza Afham Mokhtar yang mayatnya ditemui di Sungai Klang. Apa yang pasti, banyak lagi kes pembunuhan berlaku di luar sana. Jelas sekali, kes pembunuhan kontemporari ini bukan lagi pernah berlaku seperti sebelum ini atau dalam tempoh dua dekad lalu.



Mayat Muhammad Nidza Afham Mokhtar yang ditemui di Sungai Klang

Jika dulu, kes pembunuhan sering dikaitkan dengan aktiviti jenayah seperti dadah, pelacuran, kongsi gelap kerana persaingan atau perebutan wilayah dan dilakukan penagih dadah, pesakit mental atau pencerobohan di rumah kediaman kerana merompak atau menyamun.

Kini, jenayah bunuh boleh terjadi dalam sekelip mata, tahu-tahu masyarakat dikejutkan dengan pembunuhan di sana sini. Banyak kajian dilakukan ahli akademik berhubung jenayah ini, antaranya dikaitkan dengan pengalaman masa kecil, trauma, pengaruh

persekitaran, termasuk taksub dengan permainan video dalam talian serta gangguan mental.

Memang benar jenayah bunuh 'tidak berbau', namun kerajaan dan pihak berkuasa juga tidak boleh lepas tangan dalam isu ini. Ia boleh dicegah menerusi kempen kesedaran berterusan bermula di peringkat awal, khasnya menerusi pendidikan di sekolah dan di institusi pengajian tinggi, malah diteruskan di agensi kerajaan serta swasta.

Masyarakat perlu diperjelaskan dan digerunkan dengan hukuman jika terbabit jenayah bunuh ini. Mungkin tahap kesedaran masyarakat masih rendah terhadap hukuman dikenakan mengikut Seksyen 302 Kanun Kesiksaan (Akta 574) iaitu gantung sampai mati.

Maka, kempen kesedaran dan pendidikan menekankan aspek empati atau belas ihsan sesama manusia perlu mula dipertingkatkan dengan diselitkan dengan elemen keagamaan. Komitmen kerajaan merentas kementerian perlu disepadukan untuk memastikan kempen berkenaan mencapai objektif bagi melahirkan generasi madani masa depan yang sihat jasmani dan rohani.